
BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Julai 2018

Inflasi terus rendah pada bulan Julai

Sumbangan kepada Inflasi




* Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya turut tidak termasuk anggaran kesan langsung GST.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran staf

- Inflasi keseluruhan naik sedikit kepada 0.9% pada bulan Julai (Jun: 0.8%) disebabkan oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *pengangkutan* dan *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain.*
- Kesan pindahan daripada pelaksanaan kadar GST sifar meningkat sedikit pada bulan Julai kepada 45% (Jun: 40%).
- Tidak termasuk kesan pelaksanaan kadar GST sifar, inflasi teras kekal stabil pada 1.5% pada bulan Julai (Jun: 1.5%).

Eksport bertambah baik pada bulan Jun 2018

Eksport Malaysia Mengikut Produk




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan MATRADE

- Eksport meningkat kepada 7.6% pada bulan Jun 2018 (Mei: 3.4%). Peningkatan ini disokong terutamanya oleh pertumbuhan kukuh eksport semikonduktor dan bukan E&E seperti kimia, keluaran logam dan keluaran petroleum.
- Eksport dijangka mampan pada ST2 2018, disokong oleh permintaan luaran yang terus teguh. Ini seperti dipaparkan (indicated) oleh penunjuk yang bersifat ke hadapan seperti indeks pengurus pembelian (PMI) perkilangan global.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat



[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (tidak termasuk institusi kewangan pembangunan, IKP) dan bon korporat terkumpul.
[2] Purata bergerak 3 bulan.
[3] Tempoh 1 Jun hingga 31 Ogos 2018 merupakan tempoh pelaksanaan kadar GST sifar daripada 6% dan sebelum pelaksanaan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) bermula bulan September 2018.

Sumber: Bank Negara Malaysia


- Pada bulan Julai, pembiayaan bersih[1] meningkat kepada 7.2% (Jun: 6.9%). Ini didorong oleh pertumbuhan lebih tinggi bagi bon korporat terkumpul (13.0%; Jun: 12.4%) dan pinjaman sistem perbankan terkumpul (5.3%; Jun: 5.0%).
- Pertumbuhan pinjaman terkumpul meningkat pada bulan Julai bagi sektor perniagaan (3.7%; Jun: 3.0%) dan isi rumah (6.0%; Jun: 5.8%).
- Khususnya, kadar peningkatan[2] permohonan dan kelulusan pinjaman isi rumah untuk *pembelian kereta penumpang* terus tinggi pada bulan Julai, masing-masing kepada 24.8% dan 39.1%. Hal ini disebabkan terutamanya oleh tempoh pelepasan cukai[3] (Jun: masing-masing 15.3% dan 21.9%).

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Julai 2018

Pasaran kewangan domestik terus disokong pelabur institusi domestik pada bulan Julai

Prestasi Pasaran Kewangan




Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Ringgit menyusut nilai sebanyak 0.5% pada bulan Julai berikutan aliran keluar portfolio bukan pemastautin. Hal ini disebabkan terutamanya oleh kebimbangan yang berlarutan mengenai ketegangan perdagangan global yang semakin meruncing dan jangkaan bahawa dasar monetari Amerika Syarikat akan kembali kepada keadaan yang wajar dengan lebih cepat.
- Walau bagaimanapun, pasaran bon dan ekuiti bertambah baik berikutan minat yang berterusan daripada pelabur institusi domestik.
  - Pasaran bon mencatat aliran masuk semula bukan pemastautin pada bulan itu. Faktor ini bersama-sama dengan permintaan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik, telah menyebabkan kadar hasil MGS 5 tahun menurun sebanyak 8 mata asas.
  - FBM KLCI meningkat 5.5% meskipun masih terdapat aliran keluar bukan pemastautin. Saham sektor pembinaan pulih dengan kukuh, disokong minat belian oleh pelabur institusi domestik berikutan status projek infrastuktur yang lebih jelas.

Bank-bank mengekalkan mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan dan memenuhi keperluan yang mendesak

Nisbah Mudah Tunai Sistem Perbankan dan Nisbah Pendanaan Sistem Perbankan



- Nisbah perlindungan mudah tunai (liquidity coverage ratio, LCR) sistem perbankan berada pada 141.6%, apabila semua bank mencatat paras LCR melebihi 100%. Nisbah ini dicapai meskipun pelaksanaan sepenuhnya[1] hanya akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.
- Profil pendanaan bank-bank adalah stabil. Nisbah pinjaman kepada dana, dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing pada 83.4% dan 72.7%.

[1] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2017, keperluan minimum ditetapkan pada 90%.

Sumber: Bank Negara Malaysia

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 08/18/11

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Khamis, 30 Ogos 2018

SOROTAN BULANAN – JULAI 2018

Inflasi terus rendah pada bulan Julai

- Inflasi keseluruhan naik sedikit kepada 0.9% pada bulan Julai (Jun: 0.8%) disebabkan oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *pengangkutan* dan *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain.*
- Kesan pindahan daripada pelaksanaan kadar GST sifar meningkat sedikit pada bulan Julai kepada 45% (Jun: 40%).
- Tidak termasuk kesan pelaksanaan kadar GST sifar, inflasi teras[1] kekal stabil pada 1.5% pada bulan Julai (Jun: 1.5%).

Eksport bertambah baik pada bulan Jun 2018

- Eksport meningkat kepada 7.6% pada bulan Jun 2018 (Mei: 3.4%). Peningkatan ini disokong terutamanya oleh pertumbuhan kukuh eksport semikonduktor dan bukan E&E seperti kimia, keluaran logam dan keluaran petroleum.
- Eksport dijangka mampan pada ST2 2018, disokong oleh permintaan luaran yang terus teguh. Ini seperti dipaparkan (indicated) oleh penunjuk yang bersifat ke hadapan seperti indeks pengurus pembelian (PMI) perkilangan global.

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya turut tidak termasuk anggaran kesan langsung GST.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pada bulan Julai, pembiayaan bersih[2] meningkat kepada 7.2% (Jun: 6.9%). Ini didorong oleh pertumbuhan lebih tinggi bagi bon korporat terkumpul (13.0%; Jun: 12.4%) dan pinjaman sistem perbankan terkumpul (5.3%; Jun: 5.0%).
- Pertumbuhan pinjaman terkumpul meningkat pada bulan Julai bagi sektor perniagaan (3.7%; Jun: 3.0%) dan isi rumah (6.0%; Jun: 5.8%).
- Khususnya, kadar peningkatan[3] permohonan dan kelulusan pinjaman isi rumah untuk *pembelian kereta penumpang* terus tinggi pada bulan Julai, masing-masing kepada 24.8% dan 39.1%. Hal ini disebabkan terutamanya oleh tempoh pelepasan cukai[4] (Jun: masing-masing 15.3% dan 21.9%).

Pasaran kewangan domestik terus disokong pelabur institusi domestik pada bulan Julai

- Ringgit menyusut nilai sebanyak 0.5% pada bulan Julai berikutan aliran keluar portfolio bukan pemastautin. Hal ini disebabkan terutamanya oleh kebimbangan yang berlarutan mengenai ketegangan perdagangan global yang semakin meruncing dan jangkaan bahawa dasar monetari Amerika Syarikat akan kembali kepada keadaan yang wajar dengan lebih cepat.
- Walau bagaimanapun, pasaran bon dan ekuiti bertambah baik berikutan minat yang berterusan daripada pelabur institusi domestik.
    - Pasaran bon mencatat aliran masuk semula bukan pemastautin pada bulan itu. Faktor ini bersama-sama dengan permintaan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik, telah menyebabkan kadar hasil MGS 5 tahun menurun sebanyak 8 mata asas.
    - FBM KLCI meningkat 5.5% meskipun masih terdapat aliran keluar bukan pemastautin. Saham sektor pembinaan pulih dengan kukuh, disokong minat belian oleh pelabur institusi domestik berikutan status projek infrastuktur yang lebih jelas.

[2] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan (tidak termasuk institusi kewangan pembangunan, IKP) dan bon korporat terkumpul.
[3] Purata bergerak 3 bulan
[4] Tempoh 1 Jun hingga 31 Ogos 2018 merupakan tempoh pelaksanaan kadar GST sifar daripada 6% dan sebelum pelaksanaan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) bermula bulan September 2018.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Bank-bank mengekalkan mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan dan memenuhi keperluan yang mendesak

- Nisbah perlindungan mudah tunai (liquidity coverage ratio, LCR) sistem perbankan berada pada 141.6%, apabila semua bank mencatat paras LCR melebihi 100%. Nisbah ini dicapai meskipun pelaksanaan sepenuhnya[5] hanya akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.
- Profil pendanaan bank-bank adalah stabil. Nisbah pinjaman kepada dana, dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing pada 83.4% dan 72.7%.

Bank Negara Malaysia
30 Ogos 2018

[5] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2017, keperluan minimum ditetapkan pada 90%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my